

2.3.7 Membuat Pengujian dan Penilaian Kefungsian Gajet

A Pengujian

Tujuan pengujian dilakukan pada gajet adalah untuk memastikan gajet pada litar dapat berfungsi seperti yang dikehendaki. Sambungan mentol dan suis dipasang mengikut litar skematik dan litar bergambar. Litar ini disambung dengan sumber elektrik, iaitu bateri. Ujian dibuat apabila suis mikro dilepaskan dan semua mentol menyala.

B Penilaian

Penilaian dilakukan selepas pengujian. Penilaian dilakukan ke atas semua komponen pada gajet litar elektrik. Jadual 2.3.3 menunjukkan contoh penilaian yang dibuat terhadap gajet.

Jadual 2.3.3 Contoh jadual penilaian reka bentuk gajet litar elektrik lampu almari pakaian

Bil.	Aspek yang Dinilai	Berfungsi atau Tidak Berfungsi	Catatan
1		Berfungsi	Mentol menyala apabila pintu dibuka dan terpadam apabila pintu ditutup
2	Pendawaian wayar	Berfungsi	
3		Berfungsi	Bekalan kuasa mengalir lancar
4	Bateri	Berfungsi	
5		Berfungsi	Suis berfungsi dengan baik mengikut objektif, iaitu apabila pintu almari ditutup dan dibuka

C Hasil Penilaian

Hasil daripada penilaian didapati bahawa kecerahan lampu pada gajet itu tidak dapat menerangi keseluruhan ruang di dalam almari. Lebih-lebih lagi, pada waktu siang.

Kedudukan susunan pemasangan gajet pada bahagian almari perlu ditambah baik dan diperkemas. Kedudukan wayar perlu ditempatkan di bahagian yang tidak dapat dilihat seperti di belakang almari pakaian. Manakala bahagian yang menempatkan mentol perlu dibuat lubang agar bahagian mentol sahaja kelihatan di permukaan.

Pemegang bateri pula perlu diletakkan di belakang bateri untuk tujuan kekemasan tetapi ini mungkin akan menimbulkan masalah semasa hendak menggantikan bateri yang lemah. Kedudukan suis mikro adalah tepat kerana tuil penolak suis mikro akan tertekan apabila pintu almari ditutup. Oleh itu, gajet elektrik ini perlu dilakukan penambahbaikan fungsi agar menjadi lebih cekap dan kemas.



CABAR MINDA

1. Mengapakah pengujian perlu dilakukan terhadap kefungsian gajet?
2. Nyatakan sebab-sebab mentol menyala tetapi kecerahannya tidak mencukupi untuk menerangi keseluruhan ruang di dalam almari.